

SWE & GAZZETEMENT AS A SPECIALIST in MOH MALAYSIA

Medical Development Division

May 2026

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

PROJECTION NEED of SPECIALISTS

May 2026

9683 Gazzeted Specialist in MOH Malaysia (including FMS and Public Health Physician)

2030

Ratio of 1 doctor : 330 population
(estimated 70% will be for public Healthcare, out of these 20-30% will be specialist)

MOH is estimated to require 22,435 specialist.

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

PRODUCTION of SPECIALISTS in MOH

YEAR	MOH SPECIALISTS GAZETTED*
2020	727
2021	749
2022	1264
2023	921
2024	1027
2025	1111

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

*numbers include specialists-trained under the local masters and parallel pathway.

SWE & GAZZETEMENT

- Is a **MANDATORY** regulatory process to certify a medical officer with a **recognized specialist qualification and training** to be appointed and registered as a **safe and competent** medical specialist.

- This process is subject to the following

Amended Medical Act 50 :

Fasal 14(B)1(d) Berjaya menjalani kerja yang diselia(SWE) hendaklah ditentukan oleh Majlis

General Order, Bab F :

Perintah Am, Bab F (Perubatan), Bahagian V – Pelbagai Klausa 27(a) dan (b).

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

AMENDED MEDICAL ACT
(FASAL 14(B)1(d))

"Orang yang berhak untuk didaftarkan sebagai Pakar

14B. (1) Seseorang berhak untuk didaftarkan sebagai seorang Pakar di bawah Akta ini jika—

(a) dia telah berdaftar penuh di bawah seksyen 14;

(b) dia memegang mana-mana kelulusan kepakaran sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang keempat Jadual Keempat untuk suatu tempoh pengiktirafan yang boleh ditentukan oleh Majlis;

(c) dia telah menyempurnakan latihan kepakaran;

(d) dia telah—

(i) dengan jayanya menjalani pengalaman kerja yang diselia yang hendaklah ditentukan oleh Majlis; atau

(ii) membuktikan pengalaman kerjanya sehingga Majlis berpuas hati; dan

(e) dia telah membuktikan sehingga Majlis berpuas hati bahawa dia adalah kompeten dan mempunyai akhlak yang baik.

MEDICAL (AMMENDMENT) REGULATIONS 2025

(c) any report or certificate as proof of the supervised work experience under subparagraph 14B(1)*(d)*(i) of the Act when—

(i) in public service, he has been evaluated and certified by the Evaluation Committee for Specialist Medical Qualifications after being validated by the Director General that he has successfully undergone supervised work experience for a duration of at least six months; or

SHEDULE 4

"JADUAL KEEMPAT

[Perenggan 14B(1)*(b)* dan (3)*(b)*]

SENARAI KELULUSAN KEPAKARAN YANG BOLEH DIDAFTARKAN

(1) Kepakaran	(2) Negara atau kumpulan negara tempat di mana kelulusan diberikan	(3) Nama institusi yang memberikan kelulusan	(4) Perihal kelulusan
(1) Anestesiologi dan Rawatan Kritikal	*(a)* Malaysia	(i) International Islamic University, Malaysia	Sarjana Perubatan (Anestesiologi)
		(ii) Universiti Kebangsaan Malaysia	Doktor Pakar Anestesiologi & Rawatan Klinikal Kelulusan sebelum ini dikenali sebagai Sarjana Perubatan (Anestesiologi)
		(iii) Universiti Malaya	Sarjana Anestesiologi
		(iv) Universiti Putra Malaysia	Master Perubatan (Anestesiologi)
		(v) Universiti Sains Malaysia	Sarjana Perubatan (Anestesiologi dan Rawatan Kritikal) Kelulusan sebelum ini dikenali sebagai Sarjana Perubatan (Anestesiologi)
	(b) Amerika Syarikat	(i) American Board of Anaesthesiology	Diplomate of the American Board of Anaesthesiology

New format
- Specialty
- Country of origin
- Institute
- Name of qualification

PERINTAH AM, BAB F

V. PELBAGAI

Perlantikan Sebagai Pegawai Pakar. (46).

27. (*a*) Ketua Pengarah Kesihatan, dengan nasihat tiga orang pegawai pakar yang dipilih olehnya atau oleh sebuah Jawatankuasa Khas Perubatan yang ditubuhkan oleh Kerajaan untuk tujuan yang sama, boleh melantik pegawai-pegawai perubatan sebagai pegawai pakar jika mereka memenuhi syarat-syarat di (*b*). Semua perlantikan yang sedemikian hendaklah disiarkan di dalam *Warta* Kerajaan.

(*b*) Seseorang pegawai perubatan tidak akan dilantik sebagai pegawai pakar melainkan apabila jawatan yang dipegangnya itu memerlukan penjalanan tugas-tugas pakar dan

(i) dia mempunyai kelayakan-kelayakan ilmiah atau ikhtisas yang diakui serta pengalaman-pengalaman yang memuaskan hati Ketua Pengarah Kesihatan; atau

(ii) dia telah menjalankan tugas-tugas pakar yang memuaskan bagi satu jangka masa yang panjang.

EVENTS AND MAJOR CHANGES

AMMENDMENT MEDICAL ACT 2024 SUCCESFULLY PASSED IN DEWAN NEGARA & DEWAN RAKYAT IN JUN – JULY 2024

MEDICAL (AMMENDMENT) REGULATION 2025 AND BIPPW SUCCESFULLY ENFORCED IN **1 JULY 2025**

678 MO WHO SUCESSFULLY COMPLETED MASTERS AND PARALLEL PATHWAY WILL BE FIRST BATCH TO UNDERGO fully digital SWE on line **9 FEBRUARY 2026**

MAJOR CHANGES

- **SWE CERTIFICATION DATE** (TARIKH PERAKUAN SWE) WILL BE ONE DAY AFTER COMPLETION MINIMUM 6/12 PERIOD OF SWE **(EXCEPT FOR OPTHALMOLOGY : 12 MONTHS).**
- UPON RECEIVING CERTIFICATION OF SWE CANDIDATE CAN APPLY FOR NSR VIA MMC.
- **GAZZETMENT DATE WILL BE FOWARDED TO THE SAME DATE AS THE NSR REGISTRATION AND NO LONGER BACKDATED.**
- **BIPPW** ALLOWANCE WITH SIMILAR RATE TO CURRENT BIP **WILL BE PAID TO SWE CANDIDATES DURING THE PERIOD UPON STARTING SWE TILL NSR REGISTRATION ON MONTHLY BASIS.**

PENGUMUMAN MEDIA

SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KKM PERKENAL BAYARAN INSENTIF PAKAR PRA-WARTA (BIPPW) UNTUK PEGAWAI PERUBATAN TAMAT LATIHAN KEPAKARAN

Putrajaya, 14 Julai 2025

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin mengumumkan bahawa **Kerajaan telah meluluskan pelaksanaan Bayaran Insentif Pakar Pra-Warta (BIPPW)** kepada pegawai perubatan yang sedang menjalani tempoh pengalaman kerja diselia atau '*Supervised Work Experience*' (SWE) selepas tamat latihan kepakaran.

SWE merupakan **suatu tempoh percubaan yang perlu dilalui oleh semua pegawai perubatan setelah berjaya tamat latihan kepakaran**. Pegawai akan diselia oleh Pakar Perubatan yang lebih kanan bagi memastikan mereka kompeten dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai seorang pakar.

Bayaran BIPPW ini **akan mula diberikan sebaik sahaja pegawai memulakan SWE**. Sebelum Akta Perubatan 1971 dipinda pada tahun 2024, proses ini dikenali sebagai Proses Pewartaan Pakar di mana pegawai tersebut hanya akan menerima Bayaran Insentif Pakar (BIP) setelah berjaya menamatkan proses pewartaan.

Pelaksanaan BIPPW ini adalah selaras dengan Akta Perubatan (Pindaan) 2024 [Akta A1729] yang mula dikuatkuasakan pada 1 Julai 2025. Untuk makluman, **kadar bayaran bagi BIPPW adalah sama seperti kadar bayaran bagi BIP dan ditetapkan mengikut gred hakiki pegawai**, melibatkan Gred 10 hingga 14.

Kadar Bayaran Insentif Pakar Pra-Warta (BIPPW) dan Perbandingan dengan Kadar Bayaran Insentif Pakar (BIP):

Gred Pegawai	BIPPW	BIP
UD/UG 14	RM 2,800.00	RM 2,800.00
UD/UG 13	RM 2,500.00	RM 2,500.00
UD/UG 12	RM 2,200.00	RM 2,200.00
UD/UG 10	RM 1,900.00	RM 1,900.00

Pemberian insentif ini merupakan pengiktirafan terhadap komitmen dan beban tugas yang akan dipikul oleh pegawai sepanjang menjalani tempoh SWE, yang melibatkan pelaksanaan tugas seperti seorang Pakar Perubatan. Ia juga merupakan langkah signifikan ke arah penjagaan kebajikan warga kerja KKM, di samping meningkatkan motivasi dan memastikan kesinambungan perkhidmatan perubatan kepada rakyat.

Dengan berkuat kuasanya Akta A1729, semua latihan kepakaran yang dijalankan di negara ini adalah kini lebih teratur dari segi undang-undang. Mana-mana pengamal perubatan yang terjejas dengan isu pengiktirafan serta pendaftaran pakar khususnya mereka dalam bidang Pembedahan Kardiotorasik, Perubatan Keluarga, Pembedahan Plastik dan Patologi Generik, kini boleh dipertimbangkan untuk pendaftaran sebagaimana yang telah dijanjikan oleh Kerajaan pada awal tahun 2024.

Kini, pegawai perubatan yang menjalani SWE selaras dengan keteraturan proses yang berkaitan juga tidak perlu lagi bimbang tentang elaun yang mereka layak terima. KKM komited untuk terus memperkasa sistem kesihatan negara, dan berharap semua pegawai dapat memberi sumbangan berterusan demi kesejahteraan masyarakat.


- TAMAT -

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
14 Julai 2025

MALAYSIA MADANI

PEMBERITAHUAN PERLAKSANAAN BIPPW



KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
Secretary General
Ministry of Health, Malaysia

Aras 12, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya
MALAYSIA

Telefon : 03-8883 2539
Web : www.moh.goh.my
Emel : pejabatksu@moh.gov.my

Ruj. Kami: KKM.500-8/2/72 Jld. 12 (8)
Tarikh : 7 Ogos 2025

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan,


PELAKSANAAN PEMBERIAN BAYARAN INSENTIF PAKAR PRA-WARTA KEPADA PEGAWAI PERUBATAN YANG MENJALANKAN TUGASAN DALAM PENYELIAAN PAKAR SEMASA PROSES PEWARTAAN PAKAR DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kerajaan telah bersetuju untuk meluluskan pemberian Bayaran Insentif Pakar Pra-Warta (BIPPW) kepada Pegawai Perubatan yang menjalankan tugasan dalam tempoh penyeliaan pakar (*Supervised Works Experienced*, SWE) semasa proses pewartaan pakar di Kementerian Kesihatan Malaysia.

3. Kelulusan BIPPW ini tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat berikut:

(i) layak dibayar kepada Pegawai Perubatan yang telah memulakan proses *Supervised Work Experienced* (SWE) sehingga didaftarkan di bawah *National Specialist Register*



10. Sebarang pertanyaan mengenai pelaksanaan elaun ini boleh dirujuk berdasarkan kategori berikut:

Bil.	Kategori Pertanyaan	Bahagian
(i)	Pelaksanaan SWE	Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM No. Telefon: 03-8883 1108
(ii)	Dasar pemberian elaun di KKM	Bahagian Sumber Manusia, KKM No. Telefon: 03-8883 2931
(iii)	Pelaksanaan pembayaran	Bahagian Akaun, KKM No. Telefon:03-8883 3267

11. Kerjasama pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ tuan/ puan dimohon untuk memaklumkan kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah seliaan masing-masing bagi memastikan pelaksanaan urusan ini teratur, cekap dan berkesan.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"


"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' SRI SURIANI BINTI DATO' AHMAD)

5

PEMBERITAHUAN PERLAKSANAAN SWE



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA
Tel.: 03-8000 8000

Ruj. Kami : KKM.600-20/2/1 Jld 10(16)
Tarikh : 18 Ogos 2025

SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PEMBERITAHUAN PELAKSANAAN PENGALAMAN KERJA DISELIA ATAU *SUPERVISED WORK EXPERIENCE* (SWE) BAGI PEGAWAI PERUBATAN TAMAT LATIHAN KEPAKARAN DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Yang Berhormat Menteri Kesihatan telah menetapkan bahawa Akta Perubatan (Pindaan) 2024 [Akta A1729] telah mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2025 melalui Penetapan Tarikh Kuat Kuasa (P.U.(B) 251/2025). Susulan daripada itu, proses melantik pegawai-pegawai perubatan sebagai pegawai perubatan pakar dalam Perkhidmatan Awam sebagaimana kuasa yang diberikan kepada Ketua Pengarah Kesihatan di bawah Perintah 27, Perintah-Perintah Am, Bab F Perubatan (pewartaan pakar) kini perlu diselaraskan dengan proses Pengalaman Kerja Yang Diselia atau *Supervised Work Experience* (SWE) seperti yang diperuntukkan di bawah subperenggan 14B(1)(d)(i) Akta A1729 dan subperenggan 27(3)(c)(i) Peraturan-Peraturan Perubatan (Pindaan) 2025.

3. Penyelarasan pelaksanaan proses pelantikan pegawai pakar (pewartaan pakar) dan SWE ini bertujuan menambah baik proses pendaftaran pakar serta bagi memastikan ianya dilakukan dengan lebih teratur selaras dengan peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa. Pelaksanaan SWE ini akan dimulakan oleh kohort pegawai yang melapor diri pada 11 Ogos 2025. Pelaksanaan pemberian Bayaran Insentif Pakar Pra-Warta (BIPPW) bagi pegawai yang menjalani SWE adalah seperti mana yang telah diperincikan dalam Surat Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan bertarikh 7 Ogos 2025 (KKM-500-8/2/72Jld.12(8)).

4. Buku log SWE serta proses semakan dan penghantaran dokumen selepas pegawai menamatkan SWE adalah sama sebagaimana proses sedia ada sebelum ini dalam pewartaan pakar. Sebahagian kohort pertama SWE ini akan menggunakan Buku Log Digital SWE dan proses semakan dan penghantaran dokumen adalah tertakluk kepada proses dalam sistem atas talian tersebut.

5. Dengan pelaksanaan SWE ini, Kementerian berharap dapat melahirkan pakar perubatan yang bukan sahaja memiliki tahap intelek dan kompetensi klinikal yang tinggi, malah mempunyai ciri kepimpinan yang baik dalam usaha ke arah membangunkan sistem kesihatan yang lebih cekap dan berkualiti.

6. Kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dimohon untuk memaklumkan kepada Pusat Tanggungjawab di bawah seliaan masing-masing serta mengambil tindakan bagi memastikan pelaksanaan SWE ini adalah teratur.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

18/8/2025

(DATUK DR. MAHATHAR BIN ABD WAHAB)

CRITERIA FOR SWE & GAZETTEMENT

- A Medical officer serving in public service either as permanent or contract government servant.
- Full registration by MMC with latest APC.
- Obtained a recognized Postgraduate Qualification in Schedule 4.
- Certified by the awarding body to have passed unconditionally:
  - Masters (University)
  - Parallel Speciality Training (Parallel Pathway Main Committee)

PRE-SWE PROCESS FLOW

SPECIALIST PLACEMENT MEETING

We are here

PLACEMENT LETTER ISSUED BY MOH HR (BSM) DIVISION

REPORT FOR DUTY AND SWE PROCESS BEGINS

PASS & SUBMISSION



APPEAL

- PLACEMENT
- DATE OF REPORTING
- DEFFERMENT OF PROCESS

EXTENSION

- FAIL
- >90 DAYS LEAVE

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SWE & GAZZETEMENT PROCESS



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SWE PERIOD

- **Minimum 6 months** starting from the date of report duty.
- Leaves allocation : **15 days** (including the following types of leaves: cuti rehat, cuti sakit, cuti materniti/paterniti,cuti khas perubatan, cuti tanpa rekod and Covid-19 quarantine leave).
- SWE certification date will be one day after successful completion minimum 6 months SWE duration **(given there is no competency issue / extra leaves taken beyond 15 days).**

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SWE PERIOD FOR OFTHALMOLOGY

- **12 months** starting from the date of report duty.
- Leaves allocation : **30 days** (including the following types of leaves: cuti rehat, cuti sakit, cuti materniti/paterniti,cuti khas perubatan, cuti tanpa rekod and Covid-19 quarantine leave).
- SWE certification date will be one day after successful completion 12 months SWE duration **(given there is no competency issue / extra leaves taken beyond 30 days).**


KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

GAZETTEMENT DATE

- **From 1st Julai 2025**, upon the enforcement of the Medical (Amendment) Regulation 2025 the **gazettement date will no longer be backdated** as before.
- Candidates upon successfully given SWE certification dates are then permitted to apply for NSR registration with the MMC.
- Gazettement process will be harmonize with the NSR Registration, therefore the **Gazettement date will be on the same day candidate is successfully registered in the NSR**


KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Amalan sedia ada




Amalan sedia ada tidak selari dengan peruntukan Akta Perubatan 1971 [Akta 50] dan peruntukan kecualian diwujudkan dalam Akta Perubatan (Pindaan) 2024 [Akta A1729]

Amalan baharu selepas kuatkuasa A1729



ALIRAN KERJA SWE DI KKM



Cawangan Perkembangan Profesyen Perubatan menjadi urusetia bagi semakan dan pengurusan dokumen SWE bagi pakar klinikal KKM ke JKP dan KPK serta pengeluaran surat pengesahan SWE diperakukan.

Selepas Pengesahan Perakuan SWE, pegawai boleh memohon untuk pendataran NSR dengan pihak MPM . Pihak urusetia akan serahkan senarai pegawai yang diperakukan SWE secara berkala.

NEW E-WARTA EXIT CRITERIA

- Completion of Log Book especially for Mandatory Procedures outlined by each specialty discipline

Clinical Supervisor Narrative report

- Achieve minimum marks of 70% in the narrative report containing 8 domains
- Achieving a minimum passing mark of 50% in all the 8 domains.

- Pass Administrative Narrative Report (Hospital Director)

NEW E- WARTA NARRATIVE REPORT FORMAT

MAJOR DOMAINS	WEIGHTAGE %
CLINICAL COMPETENCY	20%
ACADEMIC KNOWLEDGE	20%
MINOR DOMAINS	
PERSONAL CHARACTERISTICS	10%
ETHICS, PROFESIONALISM & INTEGRITY	10%
LEADERSHIP, SOCIAL & COMMUNICATION SKILL	10%
PARTICIPATION, LEARNING & TEACHING	10%
DOCUMENTATION & RECORD KEEPING	10%
ASSIGNMENT & PERSONAL LEARNING	10%

100%

SWE ASSESMENT FORMAT FROM FEB 2026 ONWARDS

GAZZETEMENT PROCESS WILL BE DONE FULLY **DIGITAL/ON-LINE** VIA THE **E-WARTA PLATFORM** UNDER HUMAN RESOURCE MODULE (HRM) OF THE MEDICAL PROGRAMME INFORMATION SYSTEM (MPIS) THROUGHOUT THE COUNTRY FOR CLINICAL SPECIALIST WITHIN MEDICAL PROGRAMME.

SWE EXTENSION





KEMENTERIAN KESIHATAN
MALAYSIA

EXTENSION OF SWE DUE TO COMPETENCY

- If there is competency and safety issue, candidate will be subjected to a 6-months extension of SWE at a new hospital and a new supervisor.
- Maximum number for extension of SWE is **two (2) times (an exception for Ophthalmology which only allows one extension due its main SWE period is 12 months)**
- SWE certification date will be one day after successful completion minimum 6 months SWE duration within maximum extension period of 19 months give.
- Candidates will still be covered by the new **BIPPW (Bayaran Insentif Pakar Pra Warta)** allowance throughout the maximum extension period. However, if the required competency is not achieved during this 19 months period, candidate will no longer by covered by the allowance.

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



Your devotion and care bring healing, comfort & hope

Thank you

